

>>Oleh Husain Jahit
husain@hmetro.com.my

ICT negara dijangka terus berkembang

matan ditingkatkan. Nokia akan meneruskan usahanya membantu penyedia perkhidmatan itu mencapai satu tahun yang menggalakkan dan berpotensi dalam pemba-ngunan 3G dan WiMAX.

Beberapa evolusi peralatan mudah alih dijangka dapat dilihat menerusi beberapa teknologi capaian berlainan termasuk 3G, WiMAX, HSPA dan teknologi lain.

CA MALAYSIA

CA (Malaysia) Sdn Bhd (CA) mengandaikan pertumbuhan akan terus menggalakkan dalam industri ICT. Ia dijana keputusan kerajaan menerusi RMK-9 yang akan diambil kesempatan dengan baik oleh syarikat enterprise serta perniagaan kecil dan sederhana (PKS).

Pengarah urusannya, Queenie Wong, berkata walaupun kebanyakan syarikat semakin berhati-hati dengan perbelanjaan masing-masing, namun dapat dilihat bahawa pelaburan ICT dan perkhidmatan berurus menjadi keutamaan.

"Faktor itu disebabkan keupayaan ICT sudah pasti akan membantu syarikat terbabit mengautomasikan proses supaya lebih cekap dan berkesan, sekali gus mengurangkan kos operasi dan mendapat manfaat yang dipacu oleh teknologi terkini," katanya.

sektor cetakan foto di rumah terlalu perlahan, namun masih banyak peluang untuk memenangi hati pelanggan supaya memilih pencetak foto semburan jet untuk memenuhi keperluan mereka.

Persaingan sengit pula dijangka memacu pengeluar menawarkan harga rendah bagi setiap produk mereka untuk menjadi tarikan kepada pelanggan.

NOKIA

Menurut Pengarah Negara bagi Rangkaian, Nokia (M) Sdn Bhd, Bill Chang berpendapat pembekal rangkaian generasi ketiga (3G) kebanyakannya menanti lonjakan langganan dan peningkatan potensi dalam saluran pendapatan.

Pertumbuhan yang dianggap perlahan tahun lalu walaupun pelbagai promosi dan tawaran diberikan dijangka berubah tahun ini.

Persaingan sengit di kalangan penyedia perkhidmatan pula akan meningkatkan lagi daya saing dan mereka perlu memastikan kualiti perkhid-

syarikat sumber luaran Malaysia dijangka belum mampu untuk bergerak bersendirian.

"Syarikat berkaitan disarankan supaya berkerjasama dan bersaing dalam kumpulan yang besar untuk berdaya saing di peringkat global," katanya.

EPSON

Dalam pada itu, Epson sebagai syarikat terkemuka produk percetakan, berpendapat arah aliran pasaran pencetak bagi 2007 akan terus dijana oleh keperluan pencetak berbilang fungsi.

Kajian International Data Corporation (IDC) mendapati pasaran pencetak fungsi tunggal semakin berkurangan di negara ini. Ia sekali gus memberi laluan kepada vendor seperti Epson untuk memperkenalkan lebih banyak pencetak berbilang fungsi.

Begitu juga dengan penerimaan baik terhadap kamera digital yang akan memacu pertumbuhan pencetak foto dan foto semua-dalam-satu.

Walaupun pertumbuhan



>Lee Boon Kok
Pengerusi Pikom



>Queenie Wong
Pengarah Urusan CA



la adalah langkah perlu untuk memastikan setiap agensi dan jabatan kerajaan dapat menyalurkan perkhidmatan lebih cekap kepada seluruh masyarakat di Malaysia"



ICT akan membantu syarikat terbabit mengautomasikan proses supaya lebih cekap, berkesan, mengurangkan kos dan mendapat manfaat yang dipacu oleh teknologi terkini"